

BAB 1 KEDATANGAN KUASA BARAT

SOALAN ESEI

1.



Rajah di atas ialah Masjid Kampung Hulu, Melaka, Madrasah Taufikiah, Kedah dan Istana Chegar Anak Bukit, Kedah

Kegiatan keintelektualan sebelum kedatangan kuasa barat meliputi dua aspek utama iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal.

a) Berikan **dua** contoh pendidikan tidak formal dan pendidikan formal dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan kuasa barat. (4 markah)

b) Namakan **empat** karya kesusasteraan masyarakat Melayu yang telah menjadi karya bermutu tinggi. (4 markah)

Huraikan apa yang dipelajari oleh masyarakat di istana, masjid dan surau serta madrasah dan pondok. (6 markah)



d) Pendidikan tidak formal yang diikuti oleh masyarakat Melayu sebelum kedatangan kuasa barat seperti cerita-cerita rakyat dapat menimbulkan jati diri positif dalam kalangan masyarakat.

Pada pendapat anda, masih relevankah cerita-cerita rakyat pada zaman sekarang? Jelaskan. (6 markah)

